



KONSEP *ITIBAR AL-MA'ĀLĀT* DALAM PENENTUAN HUKUM ISLAM SEMASA: SUATU SOROTAN AWAL

[THE CONCEPT OF *ITIBAR AL-MA'ĀLĀT* IN THE DETERMINATION OF CURRENT ISLAMIC LAW: AN EARLY HIGHLIGHT]

GHULBUDDIN HEKMATYAR LUKMAN,¹ SUMAYYAH ABDUL AZIZ,¹
AHMAD FAIZOL ISMAIL¹ & TENGKU FATIMAH MULIANA TENGKU MUDA^{1*}

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Correspondent Email: sumayyahaziz@unisza.edu.my

Abstrak: Konsep *'Itibar al-Ma'ālāt* merupakan konsep yang dikembangkan daripada konsep *maqāsid syari'ah* dan *istiqra'*. Prinsip utama konsep ini adalah penetapan hukum sesuatu perbuatan itu berdasarkan pertimbangan akibat yang timbul daripada perbuatan mukallaf. Jika sesuatu perbuatan dapat menghasilkan kebaikan maka dibolehkan. Sebaliknya jika menghasilkan keburukan maka dilarang. Setakat ini, tidak banyak kajian tentang konsep *'Itibar al-Ma'ālāt* dilakukan berbanding konsep lain seperti konsep *maqāsid syari'ah*. Kajian kualitatif ini menggunakan metod deskriptif komparatif dengan merujuk kepada sumber kepustakaan yang mengkaji tentang konsep *'Itibar al-Ma'ālāt*. Hasil kajian mendapati konsep *'Itibar al-Ma'ālāt* signifikan dalam proses ijтиhad hukum Islam yang dilakukan secara komprehensif. Kajian ini juga mendapati perkaitan erat diantara konsep berdasarkan *istiqra'* ini dengan kaedah-kaedah lain dalam kerangka hukum Islam. Contohnya seperti kaedah-kaedah *usūliyah*, *maqāṣidiah*, *fīqhīyyah* serta *nāzariyyat al-fīqhīyyah*. Sebagai suatu saranan, kajian ini memperkuuhkan keabsahan konsep ini dalam wacana ijтиhad hukum Islam semasa.

Kata kunci: '*Itibar al-Ma'ālāt*, *istiqra'*, *maqāsid syari'ah*, *ijtihad*.

Abstract: The concept of *'Itibar al-Ma'ālāt* is an elaborated concept based on the concept of *maqāsid Shari'ah* and *istiqra'*. The main principle of this concept deals with the consequences arising from the mukallaf act through *maslahah* and *mafsadah* perspectives. If an act can produce good, then it is permitted. But if it causes bad things, it's prohibited. To date, there has been a few studies of the concept of *'Itibar al-Ma'ālāt* compared to other concepts such as the concept of *maqāsid Shari'ah*. This qualitative study uses a descriptive, comparative method by referring to literature sources that study the concept of *'Itibar al-Ma'ālāt*. The results of the study found that the concept of *'Itibar al-Ma'ālāt* is significant in the process of *ijtihad* through a comprehensive approach. This study also found a close relationship between this concept that's based on *istiqra'* and other methods within the framework of Islamic law. Such examples are the methods of *usūliyah*, *maqāṣidiah*, *fīqhīyyah* and *nāzariyyat al-fīqhīyyah*. As a recommendation, this study strengthens the validity of this concept in the discourse of current Islamic legal *ijtihad*.

Keywords: '*Itibar al-Ma'ālāt*, *istiqra'*, *maqāsid syari'ah*, *ijtihad*.

Cite This Article:

Ghuluddin Hekmatyar Lukman, Sumayyah Abdul Aziz, Ahmad Faizol Ismail & Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda. 2022. Konsep Itibar al-Ma’alat dalam Penentuan Hukum Islam Semasa: Suatu Sorotan Awal [The Concept of Itibar Al-Ma’alat in The Determination of Current Islamic Law: An Early Highlight]. *qalam international journal of islamic and humanities research*, 2(2), 28-45.

PENGENALAN

Proses penentuan hukum dalam bentuk fatwa atau ijtihad merupakan suatu hal yang sentiasa berkembang. Dalam berijtihad, terdapat beberapa tahap prosedur ijtihad yang perlu dipertimbangkan sesuai ketentuan yang telah disepakati para ulama, antaranya melalui pendekatan usul al-fiqh (Mustafa Said al-Khin, 2000:6). Setelah itu disimpulkan dengan bersandarkan pengetahuan mengenai *qawa'id fiqhiiyyah* (Ali Ahmad al-Nadawi, 1999; Umar Abdullah Kamil, 2006). Kemudianya dilengkapi dengan memahami *maqāṣid syari'ah* (Muhammad Tahir Asyur, 1978; Muhammad Sa‘ad Alyubi, 1998). Dengan proses tersebut para ulama berupaya menghasilkan produk hukum yang bersumber daripada dalil-dalil syarak. Dalil-dalil tersebut dibahagikan kepada dua bahagian daripada sudut penerimaannya sebagai sumber hukum syarak. Pertama, dalil-dalil yang disepakati oleh jumhur ulama’ iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma’, dan qiyas. Kedua, dalil-dalil yang tidak disepakati penerimaannya seperti ‘uruf, *syar' man qablana, mazhab al-ṣahābi, istihsān, istiṣḥāb, sad al-’dhari ‘ah* dan *maṣālih al-mursalah* (Wahbah al-Zuhaili, 1999:21; Muhammad Sa‘ad Alyubi, 1998:469). Penentuan hukum yang dibuat juga perlu mengambil kira konteks semasa serta akibat yang akan timbul daripada ketentuan hukum tersebut. Pertimbangan lain adalah daripada aspek hukum suatu perantara (*wasaā'il*) bagi mencapai tujuan syarak tersebut. Kerana konsep fiqhiiyyah menetapkan bahawa hukum pada *wasā'il* itu mengikuti status hukum perkara yang menjadi tujuan syarak (Syihabudin al-Qarafi, 1998:1/166; Mustafa Makhdum, 1999).

Konsep ‘*Itibar al-Ma’alat* yang diaplikasikan sebagai suatu cara untuk menghasilkan suatu kemaslahatan dan menghindari *mafsadat* merupakan salah satu konsep yang wujud hasil daripada tahap prosedur penentuan hukum yang telah disebutkan. Pertimbangan ini sesuai dengan tujuan utama daripada syariat (*maqāṣid al-syari'ah*) ketika menetapkan sebuah taklif adalah bagi kemaslahatan manusia di dunia mahupun di akhirat (Ibrahim Musa al-Syāṭibi, 1997:2/17).

Lebih jelas, konsep ‘*Itibar al-Ma’alat* merupakan konsep yang dikembangkan daripada konsep *maqāṣid* dan *istiqra'* (Abdul Majid Najjar, 2002). Prinsip utama konsep ini ialah penetapan hukum sesuatu perbuatan adalah berdasarkan pertimbangan akibat yang timbul daripada perbuatan tersebut. Jika satu perbuatan itu dapat membawa kepada kebaikan maka ianya dibolehkan. Sebaliknya jika ianya dapat membawa kepada keburukan maka ianya dilarang. Amnya, kajian ini mengkaji tentang konsep ‘*Itibar al-Ma’alat* dalam konteks penentuan fatwa dan hukum Islam. Secara khusus, kajian ini ingin meneliti tahap perkembangan konsep ‘*Itibar al-Ma’alat* ini dalam aspek hukum semasa berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Persoalan serta isu-isu semasa yang wujud dalam hukum Islam kontemporari adalah bersifat dinamik selari dengan perkembangan peradaban pada masa kini. Sebahagian isu-isu tersebut bersifat sederhana serta dapat dicari solusinya dengan merujuk kepada pendapat para ulama yang terdahulu. Manakala sebahagian isu lagi terutama yang bersifat kontemporari memerlukan kepada pendekatan penentuan hukum yang berbeza dan rumit. Pada masa yang sama, konsep-konsep syarak yang pelbagai seperti pendekatan *taisir al-manhaji* yang melibatkan pertimbangan maslahah dan *maqāsid syari'ah*, *iadah al-nazhar*, dan *tahqiq al-manāth*, jika dikaji serta dikembangkan mempunyai potensi besar untuk menjadi alternatif permasalahan masyarakat terutama dalam bidang muamalat (Maaruf Amin, 2017).

Konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' adalah satu contoh pendekatan yang dapat diaplikasikan berdasarkan kerangka *maqāsid syari'ah*. Sebagai permulaan, setiap konsep syarak yang ingin dikemukakan perlu memiliki definisi yang jelas, sandaran hukum yang kukuh, serta memiliki piawaian yang terperinci. Keduanya, wujud suatu keperluan bagi para pengkaji agar mengetahui pelbagai aspek kajian dan literatur tentang topik yang dikaji. Tanpa mengetahui hal tersebut menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam memahami tahapan perkembangan konsep yang dikaji serta sebarang kelompongan yang wujud dalam kajian mengenai konsep tersebut. Secara umum, tidak banyak perbahasan tentang konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' secara khusus dan terperinci dikemukakan terutama dalam bidang hukum Islam semasa. Meskipun demikian, jika diteliti, konsep ini yang terbahagi kepada beberapa pecahan konsep lainnya iaitu konsep *dharai'*, konsep helah, konsep *mura'at al-khilaf*, dan konsep *istihsān* (Ibrahim Musa al-Syatiibi, 1997; Mahmud Hamid Usman, 2002:256) telah digunakan pada masa kini.

TINJAUAN LITERATUR

Daripada kajian pengkaji terdapat kira-kira 20-an kajian mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*'. Berikut adalah pilihan resensi beberapa kajian terdahulu yang dapat dihubungkan dengan kajian ini khususnya dalam aspek teori mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' ini.

1. Salah satu kajian khusus yang membahas tentang konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' adalah kajian Husin Salim al-Zahab (1994). Kajian ini terdiri daripada pengenalan, dua bahagian yang setiap satunya terdiri daripada empat topik serta satu kesimpulan kajian. Berbeza dengan kajian-kajian yang datang setelahnya, kajian ini secara ringkas membahas mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*', kepentingan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' serta pengaruhnya terhadap wacana fiqh Islam khususnya melibatkan perubahan hukum fiqh serta pertimbangan maslahah. Akan tetapi kajian ini tidak menjelaskan secara terperinci konsep-konsep dan prinsip-prinsip hukum syarak yang mempunyai kaitan dengan konsep ini. Sebaliknya setiap satunya hanya dikemukakan secara ringkas. Ringkasnya, kajian ini masih dapat dilengkapkan perbahasannya dengan dilakukan penambahan huriaian serta contoh-contoh kontemporari yang sesuai dengan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' pada masa kini.
2. Kajian Walid 'Ali Husin (2009) yang terdiri daripada empat bab pula merupakan kitab terpanjang yang membahas mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*'. Bab pertama

menjelaskan hakikat konsep ini daripada aspek pengertian dan jenis-jenisnya. Bab dua memfokuskan mengenai keabsahan serta segala unsur yang berkaitan dengan konsep ‘*Itibar al- Ma’alat*. Bab tiga mengenai konsep yang berkaitan dalil-dalil syarak dan pendekatan ijтиhad dalam konsep *Itibar al-Ma’alat* ini. Manakala bab keempat mengenai kesan serta pengaruh konsep ini terhadap penentuan hukum *taklifi*, hukum *wadhi* dan proses *tarjih* hukum. Berdasarkan kajian yang dilakukan, kelebihan kajian ini berbanding kajian lainnya adalah kerana perincian perbahasannya yang luas bagi setiap topik. Ia juga turut dilengkapi dengan banyak contoh-contoh aplikasi konsep ini yang sebahagiannya merangkumi hukum fiqh kontemporari. Dalam kajian ini juga dijelaskan hubungan diantara konsep ini dan bahagian-bahagian hukum *taklifi* yang lima dan hukum *wadhi*. Turut dijelaskan secara terperinci setiap kaedah yang berkaitan dengan konsep ini seperti *sad al-dhari’ah*, maslahah, *mura’at al-khilaf*, *dharurah* dan *raf'u al- haraj*.

3. Umar Jaddiah (2010). Kajian ini terdiri daripada pengenalan, bahagian utama kajian yang terdiri daripada tiga bab dan penutup. Pada bab pertama kajian ini adalah seperti mana kajian-kajian yang lain, didahului dengan mengkaji serta menjelaskan tentang konsep ‘*Itibar al-Ma’alat* serta dalil-dalil keabsahan konsep ini. Bab kedua diterangkan mengenai kaedah-kaedah dan prinsip hukum yang berkaitan dengan konsep ini. Bab ketiga mengenai cara untuk menyesuaikan aplikasi konsep ini ke dalam realiti semasa. Dalam kajian ini juga diterangkan kaedah-kaedah aplikasi konsep ini secara umum serta contoh penerapannya daripada peristiwa-peristiwa hukum yang pernah terjadi termasuk contoh daripada sirah nabawiyah. Pada bahagian akhir, kajian ini menjelaskan peranan konsep ini dalam perkembangan perubatan dan keilmuan kontemporari serta fungsinya ketika membuat sesuatu keputusan dalam sektor kemasyarakatan dan politik. Akan tetapi dapat dirumuskan, kajian ini tidak terlalu memberi tumpuan kepada aspek penetapan hukum dalam bidang muamalat berbandingkan tema-tema lain yang telah dinyatakan seperti di atas.
4. Syarifi Muhammad Amin (2012). Hasil kajian tersebut terdiri daripada pengenalan, isi kajian yang terdiri daripada dua bahagian dan satu kesimpulan kajian. Dalam kajian ini dijelaskan secara ringkas mengenai konsep ijтиhad, konsep fatwa serta istilah-istilah yang berkaitan dengannya. Turut dijelaskan mengenai konsep *al-Ma’alat*, dalil-dalil konsep ini, pendekatan ijтиhad yang menggunakan konsep ini, tahap-tahap konsep *al-Ma’alat* serta aspek aplikasinya. Pada bahagian kedua dijelaskan pula mengenai perbezaan konteks setiap sesuatu perkara yang perlu diambil kira ketika menentukan hukum, pengertian serta konsepnya. Turut dijelaskan tentang perubahan sesuatu hukum yang berlaku berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu yang telah digariskan sesuai prinsip *thawabit* dan *muthagayyirat* dalam hukum Islam. Walaupun demikian, kajian ini tidak terlalu memfokuskan kepada aspek penetapan hukum dalam bidang tertentu seperti muamalat tetapi lebih kepada aspek kajian *usuliah*, penetapan hukum serta konsep-konsepnya. Sebagai satu tambahan menarik, terdapat beberapa teori serta konsep yang dikemukakan masih dapat dihubungkan dengan kajian ini contohnya prinsip *thawabit* dan *muthagayyirat* dalam hukum Islam.

5. Abdul Rahman Ma‘ammar al-Sanusi (2014). Kajian yang terdiri daripada empat bab ini merupakan antara salah satu karya yang terawal membahas konsep ini secara tersendiri dan lebih terperinci berbanding karya lainnya. Di dalam kitab ini dijelaskan kefahaman konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* serta pengertiannya dengan mempertimbangkan aspek usul dan *maqāṣid*. Turut dijelaskan di dalam kitab ini adalah keistimewaan serta peranan konsep ini di dalam proses perundangan hukum Islam, tahap-tahap *al-ma’āl* dan *ma’āl fasid*. Juga dijelaskan secara terperinci konsep-konsep lain yang berkaitan dengan konsep ini seperti yang ditegaskan oleh al-Syatibi. Selain itu dinyatakan mengenai permasalahan, solusi serta contoh-contoh konsep ini yang diambil daripada pendapat-pendapat mazhab fiqh. Turut dijelaskan adalah cara berijtihad menggunakan konsep ini serta pengaruh konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* terhadap neraca pertimbangan maslahah yang boleh ditemukan daripada konsep-konsep fiqh yang berkaitan.

Menurut pengkaji, kesemua kajian ini saling mempunyai kaitan secara berkesinambungan dalam skop kajian mengenai konsep *al-’Itibar al-Ma’ālāt*. Antaranya dalam aspek teori konsep ini, aspek kajian *usuliah* konsep ini serta aspek aplikasi konsep ini dalam penetapan hukum semasa. Kedua, secara tersirat berdasarkan urutan kronologis tahun kajian-kajian ini dikeluarkan dapat diketahui perkembangan wacana dan karya ilmiah tentang konsep *al-’Itibar al-Ma’ālāt* secara berterusan dalam tiga dekad mutakhir mulai tahun 1990an, 2000-an, 2010-an sehingga masa kini. Secara kronologi historis, kajian-kajian yang dapat diakses oleh pengkaji mengenai konsep *al-’Itibar al-Ma’ālāt* adalah seperti dalam jadual berikut:-

No	Judul Kajian	Pengkaji	Tahun	Bahasa/Negara
1	<i>Ma’ālāt Af’āl wa Atharuha fi Taghyir Ahkam</i>	Husin Salim al-Zahab.	1994	Arab/Jordan
2	<i>Ma’ālāt Af’āl wa Atharuha fi Fiqh al-Aqalliat</i>	Abdul Majid Najjar	2002	Arab/Perancis
3	<i>Qaidah ’Iktibar Al-Ma’ālāt wa al-Atharu al-Mutarattibah alaiha fi al-Fiqh al-Islami wa Qadhaya al-Muasirah</i>	‘Abdul Rahman al-Sudais.	2008	Arab/KSA
4	<i>Iktibar Al-Ma’ālāt al-Af’āl wa Atharuha al-Fiqhi</i>	Walid ‘Ali al-Husin.	2009	Arab/KSA
5	<i>Athar Maqasid Syariah wa Ma’ālāt Af’āl fi al-Aml al-Masrafi Dirasah Usuliah Tatbiqiah</i>	Qasim Huzaifah Bello	2009	Arab/Malaysia
6	<i>Ashl ’Itibar Al-Ma’āl Bain al-Nazhariah wa al-Tathbiq.</i>	Umar Jaddiah.	2010	Arab/Lubnan

7	<i>Ma'ālāt Af'āl fi al-Mustalah al-Maqasidi.</i>	Muhammad Kamaluddin Imam	2012	Arab/UK
8	<i>'Itibar Al-Ma'ālāt wa Muraat al-Khususiyyat fi al-Ijtihad wa al- Iftaaat: Dirasah Ushuliyyah fi Dhaui' Maqāsid Syariah al-Islamiah</i>	Syarifi Muhammad Amin.	2012	Arab/Algeria
9	<i>Mabda' Iktibar Al-Ma'āl fi al-Bath al-Fiqhi min Tanzir ila Tathbiq Fataawa al-Muamalat fi al-Ijtihad al-Maliki</i>	Yusuf Abdullah Hamitu.	2012	Arab/Lubnan
10	<i>Iktibar Al-Ma'ālāt wa Muraat Nataaij al-Tasarrufaat Dirasah Muqaranah fi Usul al-Fiqh wa Maqāsid al-Syariah</i>	Abdul Rahman Ma'ammor al-Sanusi	2014	Arab/KSA
11	<i>Al-Ijtihad bi Tahqiq al-Manat fi al-Waqi' wa Tawaqqu'</i>	'Abdullah bin Mahfuz bin Bayyah.	2014	Arab/UAE
12	<i>Atsar 'Iktibar Al-Ma'āl fi Tarshid al-Khitab al-Islami al-'Ilami al-Muasir.</i>	Abdullah Abdul Qadir al-Quaidar.	2015	Arab/Jordan
13	<i>Qaidah 'Itibar Al-Ma'ālāt wa Atharuha fi al-Fatwa: Dirasat Taasiliyah Tatbiqiah</i>	Ibrahim al-Hamil	2015	Arab/Algeria
14	<i>Qaidah 'Itibar Al-Ma'ālāt wa al-Athar al-Mutarattabat 'alaika fi al-Mustajidaat al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah</i>	Muhammad Haidar al-Hibr al-Tayyib.	2015	Arab/Sudan
15	<i>Fiqh al-Waqi' wa al-Tawaqqu'</i>	Asyur Khadrawi	2018	Arab/Algeria
16	<i>Ashl Iktibar Al-Ma'āl fi al-Bath al-Fiqhi Dirasah fi Fataawa al- Muamalat al-Malikiyyah</i>	Yusuf 'Abdullah Hamitu	2018	Arab/UAE
17	<i>The Principle of Considering Al-Ma'ālāt in Islamic Rules: Do Ends Justify Means?</i>	Muhammad Shahrul Ifwat Ishak	2018	Inggeris/Malaysia

18	<i>I'tibar Ma'ālāt in the Fatwas of Muslim Minorities Who Are Living In Non-Muslim Countries</i>	Nur Syahirah M. Nasir & Abdul Manan Ismail	2018	Inggeris/Malaysia
19	<i>Qaidah Ma'ālāt al-Af'āl Sad al-Dzarai' wa al-Ta'hiil</i>	Ahmad Muhammad 'Abd Rauf.	2019	Arab/KSA
20	<i>Muraat Maqasid al-Shariah wa Ma'ālāt al-Af'āl fi al-Amal al-Mashrafi al-Islamiah</i>	Husin Hamid Hasan	2020	Arab/Mesir
21	<i>Athar Muraat Al-Ma'ālāt wa al-Qusud fi al-Tafriq Bainā al-Bai' wa al-Riba,</i>	'Abdullah Marzuq al-Qurasy.		Arab/KSA
22	Teori <i>Al-Ma'ālāt Af'āl: Solusi Problematika Kontemporer Dalam Bingkai Maqāsid Syariah.</i>	Helmi Basri.	2021	Indonesia
23	<i>Fiqh Al-Ma'ālāt</i>	Muhammad Shahrul Ifwat Ishak	2022	Melayu/Malaysia

Jadual 1: Literatur Kajian Konsep *Ma'ālāt al-Afaal*

PERBINCANGAN

Konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*

Istilah '*Itibar al-Ma'ālāt* terdiri daripada dua kalimah iaitu kalimah '*Itibar* dan *al- Ma'ālāt*. '*Itibar* bermaksud memerhatikan atau mengambil kira sesuatu ketika menetapkan suatu hukum (Ahmad Muhammad Al-Fayyumi, 1987:148). Sedangkan asal kalimah *al-maalat* ini merupakan bentuk plural daripada kalimah *ma'āl* yang merupakan kata terbitan berawalan huruf mim (*masdar mimi*) daripada kalimah (الْمَالِ) yang bermaksud masa hadapan (Ahmad Mukhtar Umar, 2008:238). Kalimah ini juga bermaksud tempat kembali atau implikasi sesuatu perbuatan (Ibnu Faris, 1979:1/162; Muhammad Qal'aji, 1988:396).

Terdapat beberapa pengertian konsep ini secara istilah antaranya '*Itibar al-Ma'ālāt* adalah melihat petunjuk yang terdapat pada sesuatu perkara merangkumi segala prasyarat, implikasi dan sebab perkara tersebut (Tahir bin Asyur, 1984:28/72). Juga dimaksudkan dengan '*Itibar al-Ma'ālāt* adalah melihat kepada natijah sesuatu perbuatan, tindakan atau tanggungjawab dalam konteks ijtihad, fatwa dan bimbingan hukum serta mempertimbangkannya ketika merumuskan suatu hukum dan fatwa (Ahmad al-Raisuni, 2000:67). Menurut Mahmud Usman, konsep *al-ma'ālāt* secara istilah adalah menetapkan hukum sesuatu perbuatan berdasarkan pertimbangan akibat yang timbul daripada perbuatan tersebut. Jika satu perbuatan itu dapat membawa kepada kebaikan maka ianya dibolehkan.

Sebaliknya jika ianya dapat membawa kepada keburukan maka ianya dilarang (Mahmud Hamid Usman, 2002:256; Ilyas Balka, 2009: 62).

Dapat disimpulkan bahawa konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' merupakan satu pertimbangan hukum yang dilakukan berdasarkan *istiqra'* atau kefahaman daripada sesuatu dalil syarak serta mengambil kira hubungannya dengan implikasi yang terhasil daripadanya sama ada baik atau buruk. Seterusnya perlu dijelaskan kaitan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' dengan pendekatan hukum serta kaedah-kaedah yang berkaitan dengannya.

Pendekatan *Istiqla'* dan Konsep '*Itibar Al-Ma'ālāt*'

Menurut istilah hukum Islam, terdapat beberapa pengertian *istiqla'*. Menurut al-Ghazali (1993) *istiqla'* adalah meneliti pecahan-pecahan suatu perkara untuk mengeluarkan suatu hukum umum yang merangkumi pecahan-pecahan tersebut. Al-Syatibi (2010) mendefinisikan *istiqla'* sebagai suatu penelitian mendalam terhadap makna-makna pecahan yang bersifat khusus untuk menetapkan kesimpulan hukum secara umum sama ada yang bersifat *qat'i* atau *zanni*. Manakala Ibn Asyur (2004) berpendapat bahawa *istiqla'* adalah suatu pendekatan kesimpulan hukum yang dihasilkan dengan menelaah fakta-fakta khusus, setelah penelitian itu ditetapkan suatu hukum yang digunakan secara umum. Dapat disimpulkan daripada pendapat-pendapat ulama yang dikemukakan di atas bahawa *istiqla'* adalah menetapkan suatu hukum keseluruhan setelah meneliti pecahan-pecahannya.

Kesimpulan hukum daripada *istiqla'* dapat memberikan kesan hukum secara mutlak apabila hukum tersebut diperolehi daripada keseluruhan pecahannya. Sebaliknya, kesimpulan hukum itu hanya akan bersifat *zanni* apabila cara penentuan kesimpulan hukum diambil berdasarkan sebahagian pecahannya sahaja (Ibnu Asyur, 2004:43). Pendekatan *istiqla'* ini digunakan oleh ilmuwan untuk menetapkan suatu hukum selain pendekatan deduktif. Pendekatan ini juga sering digunakan dalam *istinbat* hukum untuk perkara yang tidak dijelaskan secara jelas dalam nas Al-Quran dan sunnah serta tidak dijumpai alasan hukum yang memiliki persamaan sebagai bahagian daripada aplikasi *qiyyās*.

Aplikasi pendekatan ini dapat dijumpai dalam kumpulan kaedah usul fiqh, kaedah *fiqhīyyah*, kaedah *maqāṣidiyyah* dan kaedah *nazariyyat fiqhīyyah*. Sebagai contoh, hubungan erat diantara pendekatan *istiqla'* dengan konsep *maqāṣid al-syariah* dapat dijumpai dalam perbahasan tentang tiga prinsip utama bagi mengetahui tujuan-tujuan syarak yang terdiri daripada tahap *daruriyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyah* (al-Raisuni, 1992:86). Justeru itu, ilmuwan Islam tidak boleh menetapkan tujuan syarak secara terhad berdasarkan dalil tertentu dan dengan cara tertentu sahaja. Akan tetapi dengan meneliti kesemua dalil-dalil yang relevan, dilakukan secara komprehensif dalam berbagai bentuk dan melihat seluruh aspek pendekatan ijtihad hukum syarak. Selain itu, mereka juga perlu mempertimbangkan seluruh indikasi yang ada baik yang telah dinaskan maupun yang tidak dinaskan serta mempertimbangkan hubungan erat diantara teks dan konteks yang ada.

Berdasarkan kaedah *al-istiqla'* atau penelitian mendalam terhadap sumber hukum utama yang dilakukan secara komprehensif, dapat disimpulkan bahawa dalil dan kaedah-kaedah hukum yang berkaitan telah memberikan justifikasi terhadap kepentingan pertimbangan implikasi suatu perbuatan. Pertimbangan tersebut sama ada melibatkan hukum yang bersifat

umum (*kulli*) dan hukum yang bersifat khusus (*juz'i*). Seterusnya akan dijelaskan kaitan pendekatan *istiqra'* serta kaedah-kaedah hukum yang memiliki hubungan dengan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*'.

Kaedah *Usuliyyah* yang Berkaitan dengan Konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*'

Berdasarkan beberapa pengertian menurut ilmuwan hukum Islam, kaedah *usuliyyah* adalah kaedah yang digunakan untuk mengistinbatkan hukum syarak *furu'iyyah* daripada dalil-dalil yang terperinci. Sedangkan cara untuk mengetahui kaedah *usuliyyah* ini adalah melalui aspek kebahasaan (*istiqra' lughawiyyah*), penelitian dalil-dalil syarak dan penalaran akal (al-Jailani, 2001:61). Kaedah ini mempunyai kaitan yang erat dengan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' seperti dinyatakan oleh al-Syatibi ketika beliau menjelaskan mengenai '*Itibar al-Ma'ālāt*' (al-Syatibi, 1997). Terdapat beberapa kaedah *usuliyyah* yang memberikan justifikasi keabsahan konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' ini dalam proses istinbat dan aplikasi penentuan hukum. Kaedah-kaedah ini adalah sesuai dengan susunan yang telah dijumpai dalam kajian-kajian mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' seperti yang telah dinyatakan dalam kajian ini. Kaedah-kaedah paling utama adalah seperti dalam rajah berikut (Walid al-Husin, 2009; Muhammad Kamaludin Imam, 2012:41; Mahmud Hamid Usman, 2020):-

No	Keterangan
1	Kaedah <i>Al-Dhari'ah</i>
2	Kaedah <i>Masālih Mursalah</i>
3	Kaedah <i>Istihsān</i>
4	Kaedah <i>Helah</i>
5	Kaedah <i>Muraātul Al-Khilaf</i>
6	Kaedah <i>Rafū' Haraj</i>

Jadual 2: Kaedah *Usuliyyah* Yang Berkaitan dengan Konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*'

Kesemua kaedah *usuliyyah* yang disebutkan ini bertujuan menghasilkan maslahat serta menghindari *mafsadat* khususnya dalam kerangka pertimbangan implikasi sesuatu hukum syarak. Hal ini sesuai dengan roh syarak yang menginginkan kebaikan bagi hamba dan mencegah kemudarat terhadap mereka.

Kaedah *Fiqhiyyah* Yang Berkaitan dengan Konsep *al-Ma'ālāt*

Berdasarkan pengertian yang dikemukakan oleh para ilmuwan hukum Islam antaranya seperti al-Subki (1991), al-Suyuti (1983), al-Zarqa' (1989), dan al-Nadawi (1999), kaedah-kaedah *fiqhiyyah* adalah dasar-dasar fiqh yang bersifat menyeluruh (*kulliyyah*) yang telah dirangkum ke dalam kumpulan kalimat yang jelas serta ringkas dan boleh diaplikasikan terhadap objek hukum yang merupakan pecahan daripada kaedah-kaedah tersebut.

Terdapat beberapa kaedah-kaedah *fiqhiyyah* yang dapat dihubungkan dengan konsep *al-Ma'ālāt* berdasarkan beberapa kitab kaedah *fiqhiyyah* yang telah disusun oleh para ulama.

Antaranya oleh Ahmad Muhammad al-Zarqa' (1989), Izzat Abid al-Du‘as (1989), Ali Ahmad al-Nadawi (1994), Muhammad Sidqi al-Burno (1996), Abdul Karim Zaidan (2001), dan Abdul Majid Juma‘ah (2001). Kaedah-kaedah tersebut antaranya adalah seperti berikut:-

No	Keterangan
1	Suatu kesusahan memerlukan kepada suatu kemudahan.
2	Kemudarat itu harus dihilangkan.
3	Suatu mudarat tidak boleh dihilangkan dengan mudarat setara yang lain.
4	Keadaan darurat membolehkan melakukan sesuatu yang pada asalnya dilarang.
5	Sesuatu darurat itu diukur sesuai dengan kadar keperluannya.
6	Jika terdapat dua mafsadah, maka mafsadah yang lebih besar perlu dihindari dengan memilih mafsadah yang lebih ringan. Sebaliknya jika terdapat dua pilihan maslahat maka memilih suatu maslahat yang lebih besar lebih diutamakan daripada maslahat yang kecil.
7	Menghilangkan sesuatu kemudarat lebih diutamakan daripada menwujudkan suatu kemaslahatan.
8	Mendahulukan mengambil maslahat yang lebih besar berbanding menghindari mafsadah yang lebih kecil.
9	Sesuatu yang diharamkan kerana <i>sad al-dhari ‘ah</i> dibenarkan jika terdapat maslahat yang lebih kuat.
10	Sesuatu perkara perlu diambil kira akibat setelahnya. Kaedah ini bermaksud sesungguhnya setiap hukum yang berkaitan dengan tindakan perlu mengambil kira implikasi yang akan terjadi daripada tindakan tersebut.
11	Apabila bercampur antara yang halal dengan haram maka dihukum sebagai haram. Kaedah ini bermaksud segala perantara kepada yang haram wajib diharamkan termasuk sesuatu yang bercampur diantara keduanya. Kerana jika tidak dicegah akan membawa ke arah perkara yang lebih nyata keharamannya. Namun dalam sebahagian kes terutama dalam muamalat kontemporari, terdapat pendapat ulama yang cuba mengaplikasi teori memisahkan yang halal daripada haram (<i>tafriq baina al-halal min al-haram</i>) sebagai suatu bentuk jalan keluar (Ma‘aruf Amin, 2017:12).

Jadual 3: Kaedah *Fiqhiyyah* Berkaitan Konsep *al-Ma’ālāt*

Meskipun demikian, kaedah *fiqhīyyah* yang berkaitan dengan konsep *al-Ma’ālāt* tidak hanya terhad kepada kaedah-kaedah utama dan kaedah-kaedah cabang yang telah disebutkan di atas. Demikian juga terdapat beberapa kaedah-kaedah *fiqhīyyah* yang berdasarkan *aghlabiyyah* ini mempunyai beberapa pengecualian (*mustasniyat*) dalam kes-kes tertentu sebagaimana dijelaskan oleh para ilmuwan hukum Islam.

Kaedah *Maqāṣidiyyah* Yang Berkaitan dengan Konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt*

Daripada penjelasan yang telah dikemukakan oleh sebahagian ulama seperti al-Syatibi (2010), al-Buthi (1973), al-Raisuni (1995), dan al-Kailani (2000) kaedah *maqāṣidiyyah* adalah rumusan-rumusan kaedah bersifat umum yang diambil dan dirumuskan dari beberapa dalil yang pelbagai hasil daripada kefahaman secara kolektif. Kaedah-kaedah ini diaplikasikan dengan objektif agar tercapainya tujuan-tujuan hukum syarak dalam rangka mewujudkan kemaslahatan. Kaedah ini juga bertujuan mengungkapkan rahsia-rahsia yang tersirat daripada tujuan-tujuan hukum yang ditetapkan, baik berdasarkan nas Al-Qur`an dan sunnah maupun melalui ijtihad.

Terdapat beberapa kaedah *maqāṣidiyyah* yang menegaskan keperluan seseorang mujtahid agar mempertimbangkan implikasi yang akan berhasil daripada ijtihad atau aplikasi suatu hukum yang diputuskan. Dengan mengetahui kaedah-kaedah ini dapat menambah kejelasan tentang kaitan erat diantara konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* ini dengan konsep *maqāṣid syari’ah*. Ringkasnya berdasarkan penjelasan ulama, terdapat tiga kaedah *maqāṣidiyyah* yang dapat dikaitkan dengan konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* ini (Duski Ibrahim, 2019:254). Perinciannya adalah seperti berikut:

No	Keterangan
1	Mempertimbangkan implikasi perbuatan adalah diambil kira dan dimaksudkan oleh syarak, sama ada bertepatan atau bertentangan dengan syarak.
2	Seorang mujtahid hendaklah meneliti sebab-sebab dan akibat-akibatnya Dalam menetapkan suatu hukum hendaklah mempertimbangkan secara serius dan teliti tentang sebab-sebab dan akibat-akibat yang akan timbul darinya.
3	Pertimbangan implikasi suatu perbuatan memerlukan kepada pertimbangan terhadap suatu situasi khusus yang ditentukan berdasarkan fakta atau kenyataan

Jadual 4: Kaedah *Maqāṣidiyyah* Yang Berkaitan Konsep *al-Ma’ālāt*

Kesimpulannya kaedah-kaedah ini menekankan kepada seorang mujtahid atau ahli hukum supaya mempertimbangkan secara saksama keadaan atau setiap situasi yang terkait dengan realiti dan implikasi hukum yang sedang dan akan dihadapi. Prinsip pertimbangan seperti ini adalah dengan tujuan memahami hubungan erat diantara persoalan hukum yang dihadapi dengan situasi dan realiti yang wujud.

Kaedah *Nazariyyat Fiqhiyyah* Yang Berkaitan dengan Konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt*

Nazariyyat Fiqhiyyah berdasarkan penjelasan ilmuwan hukum Islam seperti al-Zarqa' (2004), al-Zuhaili (1985) dan al-Nadawi (1994) adalah kefahaman-kefahaman umum yang diperolehi daripada kajian komprehensif terhadap sesuatu permasalahan atau beberapa permasalahan. Terdapat beberapa kaedah *nazariyyat fiqhiyyah* atau dapat disebut sebagai teori am yang berkaitan dengan konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt*. Diantaranya adalah *nazariyyat dharar* dan *nazariyyat dharurah* (Muhammad Kamaludin Imam, 2012:62).

Nazariyyat Dharar

Teori am yang berkaitan dengan kemudarat dalam konsep *'Itibar al-Ma'ālāt* adalah seperti berikut:

No	Keterangan
1	Tidak boleh memudaratkan diri sendiri dan orang lain.
2	Kemudarat dihilangkan dengan kadar yang termampu.
3	Kemudarat tidak dihilangkan dengan kemudarat yang seumpamanya.
4	Diambil kira mudarat khusus bagi menghilangkan mudarat umum yang lebih besar
5	Mudarat yang lebih berat dihilangkan dengan mudarat yang lebih ringan.
6	Apabila berhadapan dengan dua mafsdah, maka dihindari mafsdah yang lebih besar dengan memilih mafsdah yang lebih kecil.
7	Menghilangkan mafsdah lebih diutamakan berbanding menciptakan kemanfaatan.
8	Mudarat yang terdahulu/sedia ada juga perlu dihilangkan.

Jadual 5: *Nazariyyat Dharar*

Nazariyyat Dharurah

Sandaran kepada teori am *dharurah* atau keterpaksaan ini antaranya adalah berdasarkan dalil Al-Quran surah al-Baqarah ayat 173 dan dalam surah al-An'am ayat 119. Perincian kaedah-kaedah tersebut adalah seperti jadual berikut:

No	Keterangan
1	Keterpaksaan mengharuskan perkara yang dilarang.
2	Keterpaksaan ditentukan berdasarkan kadarnya.
3	Suatu keperluan/hajat menduduki kedudukan keterpaksaan sama ada hajat umum atau khusus.
4	Keterpaksaan tidak boleh menghilangkan hak orang lain.
5	Sesuatu yang dibolehkan kerana keuzuran terbatas dengan hilangnya keuzuran itu.

Jadual 6: *Nazariyyat Dharurah*

Dapat disimpulkan bahawa keseluruhan kaedah-kaedah yang dinyatakan ini adalah berdasarkan tujuan syarak demi menghasilkan maslahah serta menghindari *mafsadat* dengan fokus terhadap implikasi sesuatu perbuatan. Ini kerana pada asalnya segala hukum itu disyariatkan untuk kemaslahatan hamba. Demikian juga dengan mengetahui keberadaan pelbagai kaedah *usuliyyah*, kaedah *fiqhiyyah*, kaedah *maqāṣidīyyah* dan *nazariyyat fiqhiyyah*

yang berhubungan dengan konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* ini dapat membentuk suatu kerangka kefahaman yang komprehensif mengenai konsep ini secara teori dan aplikasinya.

Faedah Konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt*

Terdapat beberapa faedah yang dapat diperolehi melalui aplikasi konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* ini. Antaranya faedahnya adalah seperti berikut (Abdul Rahman: 2018):

1. Menegaskan tujuan utama hukum syarak dalam mewujudkan kemaslahatan dan menghindari *mafsadat*.
2. Menzahirkan konsep keadilan dalam hukum syarak. Justeru dengan mengaplikasikan konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* dapat memastikan setiap perbuatan yang dilakukan bertepatan dengan tujuan syarak seperti mencegah *mafsadat* dan mudarat kepada mukalaf.
3. Aplikasi konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* dapat menunjukkan aspek praktikaliti prinsip syarak. Kerana dengan meraikan aspek keunikan dan kepelbagaian keadaan dan situasi yang dihadapi oleh para mukalaf dapat mendorong kepada tercapainya tujuan syarak yang mengehendaki kemaslahatan serta menghindari *mafsadat* daripada mereka.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian dapat disimpulkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Dalam aspek pengenalan berdasarkan sumber-sumber literatur yang dikaji, terma awal mengenai konsep ini tidak dapat dipisahkan dengan pendapat al-Syatibi di dalam kitabnya *al-Muwafaqat*. Hal ini mengukuhkan posisi beliau sebagai pelopor awal kepada konsep ini secara tersendiri. Demikian juga penekanan dalam kajian-kajian tersebut kesemuanya menegaskan keperluan terhadap penggunaan konsep ini dalam proses penentuan hukum kontemporari supaya tercapainya tujuan-tujuan syarak.
2. Aspek pencarian sumber literatur yang dapat ditemukan secara historis. Secara khusus tidak banyak ditemukan kajian-kajian atau penulisan tentang konsep ini secara tersendiri melainkan dalam kajian-kajian kontemporari: Antara penyelidikan terawal yang dapat ditelusuri adalah bermula tahun 1976 sehingga masa kini (2022). Kebanyakan kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pendekatan deskriptif tentang konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt*. Begitu juga, berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati masih belum banyak literatur yang menghususkan perbincangan konsep ini dalam aspek kewangan Islam.
3. Bentuk sumber literatur konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* yang ditemukan tidak terhad dalam bentuk buku semata-mata. Sebahagiannya berbentuk buku akademik, artikel penyelidikan, tesis sarjana dan kedoktoran, kertas kerja penyelidikan, makalah dan sebagainya. Bahasa yang digunakan pula merangkumi bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.
4. Seterusnya dijumpai beberapa istilah-istilah yang banyak ditemui dalam kajian konsep ‘*Itibar al-Ma’ālāt* ini sekaligus menunjukkan bagaimana eratnya konsep ini dengan konsep hukum syarak lain secara luas. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

Maqāṣid al-syariah, qawāid fiqhīyyah, nazariyyat fiqhīyyah, maslahah & mafṣadah, sad & fath al-dhariāh, wasail, hīyal, istihsān, ijtihad & fatwa, manāt al-af'āl & manāt al-ahkām, mura'āt al-khilaf, raf' al-haraj, dharar & dharurah, fiqh waqi' & tawaqqu' dan fiqh iftirādi.

5. Dalam aspek khusus contohnya di bidang muamalat terdapat beberapa istilah fiqh muamalat dan transaksi kewangan Islam yang sering dijumpai dan dijadikan sebagai contoh dalam beberapa kajian konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' yang telah dikaji. Antaranya *hifz al-māl, bai' Ināh, bai' Ājāl, bai' Salam, ibra', ta'awidh, gharar, mukhatarah, al-ghunm bil ghurm, al-kharaj bil dhaman* dan sebagainya.
6. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dinyatakan, antara pendekatan bagi mengetahui *al-Ma'ālāt* adalah melalui *istiqra'* dan kefahaman daripada nas syarak, persangkaan yang kuat, tanda atau indikasi tertentu daripada suatu perbuatan, pengalaman serta melalui pendekatan metodologi ilmiah semasa.

Kecenderungan pengkaji-pengkaji terdahulu menghubungkan istilah-istilah ini dengan perbincangan mengenai konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' juga dapat dilihat daripada beberapa sudut pandang. Pertama, sebagai usaha untuk memperkuatkannya keabsahan konsep ini dalam wacana penentuan hukum syariah kontemporari. Kedua sebagai suatu usaha untuk mengemas kini dan memperbaharui pendekatan aplikasi konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' ini pada masa kini. Ketiga, merupakan suatu usaha untuk menarik perhatian para ilmuwan dan pihak berkepentingan bahawa konsep ini dapat ditawarkan sebagai salah suatu model atau pendekatan pertimbangan penentuan hukum yang praktis dan komprehensif dalam segala bidang hukum termasuk bidang penggubalan dasar, pentadbiran, sektor kewangan Islam dan sebagainya.

KESIMPULAN

Konsep '*Itibar al-Ma'ālāt*' mempunyai kepelbagaian definisi dan pendekatan dalam memahaminya berdasarkan sejumlah kajian-kajian yang telah dinyatakan. Meskipun demikian, dapat disimpulkan bahawa prinsip utama konsep ini adalah penetapan hukum sesuatu perbuatan perlu mempertimbangkan akibat yang timbul daripada perbuatan tersebut. Jika perbuatan tersebut dapat menghasilkan kebaikan maka dibolehkan. Sebaliknya jika menghasilkan keburukan maka dilarang. Begitu juga wujudnya kajian secara berterusan terhadap konsep '*itibar al-Ma'ālāt*' ini menunjukkan potensi dan peranan konsep ini dalam usaha memperkuatkannya proses penentuan hukum Islam semasa. Dalam aspek *juz'i* contohnya melibatkan hukum kewangan Islam, dapat disimpulkan bahawa sumber literatur konsep '*itibar al-Ma'ālāt*' kontemporari melibatkan bidang kewangan Islam masih bersifat minimum berbanding kajian konsep secara teoritis. Sumber-sumber literatur yang pelbagai ini dapat diperolehi dalam pelbagai bentuk seperti buku, disertasi, artikel dan dokumen dalam pelbagai bahasa dan daripada beberapa negara.

RUJUKAN

- ‘Athiyyah, ‘Abdullah ‘Ramadan. (2007). *Mausuah al-Qawaaid al-Fiqhiyyah al-Munazamah li al-Muamalat al-Maliah al-Islamiyyah*, Iskandariah: Dar al-Iman.
- Abd Rauf*, Ahmad Muhammad. (2019). *Qaidah al-Ma’ālāt al-Afa‘al - Sad al-Dzarai’ wa al-Tahiil*, Syabkah Alukah.
- ‘Ali, Muhammad ‘Abd al-‘Ati Muhammad. (2007). *Al-Maqāṣid al-Shar‘yah wa Atharuha fī al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Alyubi, Muhammad Sa‘ad Ahmad. (1998). *Maqāṣid al-Syariah al-Islamiyyah wa ‘Alaqatuha bi al-Adillah al-Syar‘iyyah*, Riyadh: Dar al-Muttahidah.
- Amin, Syarifi Muhammad. ‘Itibar al-Ma’ālāt wa Muraat al-Khususiyat fī al-Ijtihad wa al-Iftiāat: Dirasah Ushuliyah fī Dhaui’ Maqāṣid Syariah al-Islamiah, Algeria: Jamiah Wahran.
- al-Anzi, Saud Malluh Sultan. (2007). *Sad al-Dzarai’ inda Imam Ibn al-Qayyim*, ‘Amman: Dar al-Athariyyah.
- Asyur*, Muhammad Tahir. (2004). *Maqāṣid al-Syariah al-Islamiah*, Qatar: Wizarah Awqaf wa Syuun Islamiah
- Bayyah, ‘Abdullah bin Mahfuz. (2006). ‘Alaqah Maqāṣid al-Syariah bi Usul al-Fiqh London: Muassasah Al-Furqan lil Thurats al-Islami.
- Bayyah, ‘Abdullah bin Mahfuz. (2014). *Al-Ijtihad bi Tahqiq al-Manāt fi al-Waqi’ wa Tawaqqu’*. Abu Dhabi: Muassasah Tabah.
- Bayyah, ‘Abdullah bin Mahfuz. (t.th). *Sad Dzariah wa Tathbiquhu fi Majāl al-Muamalāt*. KSA: Maahad Islami lil Buhuts wa Tadrib.
- al-Burhani, Muhammad Hisham (1985), *Sad al-Dharai’ fī al-Shariat al-Islamiyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr
- al-Burnu, Muhammad Sidqi. (1996). *Al-Wajiz fi Idhah Qawaaid al-Fiqhiyyah al-Kulliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. (1973). *Dhawābit al-Maslakah fī al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah Risalah.
- Dawwudi, Safwan bin ‘Adnan. (2008). *Qawā'id 'Usul al-Fiqh wa Tatbiqat*. Washington: Dar al-‘Asimah.
- al-Du‘as, ‘Izzat Abid. (1989). *Al-Qawaaid al-Fiqhiyyah Ma‘a al-Syarh al-Mujaz*, Beirut: Dar al-Tirmizi.
- al-Duraini, Fathi. (1984). *al-Haq wa Mada al-Sulthan al-Daulah fi Taqyidihi*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Duski Ibrahim, (2019). Kaidah-kaidah Maqasid, Indonesia: Ar-Ruzz Media
- al-Fairuz Abadi, Majdi al-Din Muhammad bin Ya’kob. (t.th). *Qamus al-Muhit*. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Hamad, Yahya Musa. (2004). *Al-Qawāid al-Fiqhiyyah fī Ijtimak Al-Halal wa al-Haram wa Tatbiqatuha al-Mu‘asarah*. Jami’ah Al-Urduniyyah.
- al-Hamil, Ibrahim. (2015), *Qaidah ‘Itibar al-Ma’ālāt wa Atharuha fī al-Fatwa Dirasah Taasiliyah Tathbiqiah*, Algeria: Jamiah al-Wadi.

- Hamitu, Yusuf ‘Abdullah. (2012). *Mabda’ Iktibar al-Ma’āl fi al-Bath al-Fiqhi min Tanzir ila Tathbiq Fatāwa al-Muamalat fi al-Ijtihād al-Maliki*, Beirut: Markaz al-Nama’ li al-Buhuts wa al-Dirasat.
- Hamitu, Yusuf ‘Abdullah. (2018). *Ashl Iktibar al-Ma’āl fi al-Bath al-Fiqhi Dirāsah fi Fatāwa al- Muamalat al-Malikiyyah*, UAE: Markaz al-Muwatta’.
- al-Hariri, Ibrahim Muhammad. (1998). *Al-Madkhal ila al-Qawaaid al-Fiqhiyyah al-Kulliyyah*, ‘Amman: Dar ‘Ammar.
- Hasan, Husin Hamid. (2020). *Muraāt Maqāṣid al-Shariah wa Ma’ālāt al-Afaal fi al-Amal al- Mashrafi al-Islamiah*, IEFpedia.
- Hasan, Jamal al-Din Yusuf. (1994). *al-Qawa‘id al-Kuliyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.
- Hasan, Khalid Ramadan. (1998). *Mu‘jam Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tarabisyi.
- Hilal, Haytham. (2003). *Mu‘jam Mustalah al-Usul*. Beirut: Dar al-Jil.
- Huda, Taibi Nur. (2013). *Atsār al-Usūliyyin fi al-Fiqh al-Maqāṣidi*, Aljazair: Jamiah Wahran.
- Husin al-, Walid ‘Ali. (2009), *Iktibar Ma’ālāt al-Afa‘āl wa Atharuha al-Fiqhi*, Riyadh: Dar al- Tadmuriyah.
- Ibn al-Manzur. (t.th). *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma‘arif.
- al-Idrisi, Muhammad al-Timsamani (2010). *Ijtihad al-Dharai’ fi Mazhab Maliki wa Atsaruhu fi al-Fiqh Islami Qadiman wa Haditsan*. Maghribi: Rabitat Muhammadiyah lilulama’.
- Imam, Muhammad Kamaluddin (2012), *Ma’ālāt al-Afaāl fi al-Mustalah al-Maqāṣidi*. London, Muassasah al-Furqan lil Thurats al-Islami.
- Ismail, Shaaban Muhammad. (1988). *Sad al-Dzarai’ Bainā al-Ilgha’ wa al-Iktibar*, Doha: Jamiah Qatar
- Jabir, Mahmud Soleh, *Sad al-Dharai’ li Muhfazah ‘ala al-Dharuriyyat al-Khams*, (2011). ‘Amman: Dar al-Nafais
- Jaddiah, ‘Umar. (2010), *Ashl ‘Itibar Al-Ma’āl Bainā al-Nazhariah wa al-Tathbiq*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jaghim, Nu’mān. (2009). *Taisir Al-Muwafaqat lil al-Syatibi*. Lubnan: Dar Ibn Hazm
- al-Jailani, al-Marini. *Qawaaid al-Usūliyyah ‘inda al-Imam al-Syatibi*, (2001). Dammam: Dar Ibn Qayyim/Dar Ibn ‘Affan
- al-Jauziyyah, Ibn Qayyim. (1968). *I'lām al Muwaqqi 'īn 'an Rabb al 'Alamīn*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah.
- al-Kailani, ‘Abdul Rahman Ibrahim. (2000) *Qawa‘id al-Maqshid ‘inda al-Imam asy- Syatibi*, Damsyiq: Dar Fikr
- Kamil, ‘Umar Abdullah. (2006). *Al-Qawaaid al-Fiqhiyyah al-Kubra wa Atharuha fi al- Muamalat al-Maliyah*, Kaherah: Maktabah Turath al-Islami
- al-Khadimi Nur al-Din Mukhtar. (2007). *Al-Istiqrā’*. KSA: Maktabah al-Rushd.
- al-Khadimi Nur al-Din Mukhtar. (2007). *Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. Tunisia: Jami‘ah al-Zaitunah.
- Khadrawi, Asyur. (2018). *Fiqh al-Waqi wa al-Tawaqqu’*, Jamiah Wahran
- Khalaf, ‘Abd Wahhab. (1996). *‘Ilm Usul al-Fiqh wa Khulasoh al-Tashri’ al-Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Khalaf, ‘Abdul Wahhab. (1956). *Masādir Tasyri’ al-Islami*. Kuwait: Dar Qalam

- Khin, al-Mustafa Sa‘id. (1976). *Athar al-Ikhtilāf fi al-Qawā‘id al-Usuliyyah fī Ikhtilāf al-Fuqaha*. Beirut: Muasasah Al-Risalah.
- Makhdum, Mustafa Karamatullah. (1999). *Qawāid al-Wasail fi al-Shariah al-Islamiyyah*, Riyadh: Dar Isybilia.
- al-Nadawi ‘Ali Ahmad. (1994). *Al-Qawaids al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Nadawi ‘Ali Ahmad. (1999). *Mausuah al-Qawaaid wa al-Dhawabit al-Fiqhiyyah al-Hakimah li al-Muamalat al-Maliah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar Alim al-Maarifah .
- al-Qahtani, ‘Abd Rahman al-Dawri. (2015). *Manāhij al-Fuqaha’ fi Istinbāt al-Ahkām*. Lubnan: Book Publisher.
- al-Quaidar, ‘Abdullah Abdul Qadir. (2015), *Atsar Iktibar Al-Ma’āl fi Tarshid al-Khitab al-Islami al-‘Ilmi al-Muasir*, Jordan: Jamiah al-Zarqa’.
- al-Qunaibi Muhammad Rawwas Qal‘ah Ji dan Hamid. (1985). *Mu‘jam Lughah al-Fuqaha’*. Beirut: Dar al-Nafa’is.
- al-Quradaghi, Bahnaz (2022). *Al-Ma’ālāt Approach in Islamic Finance: Literature Review as First Step*, Malaysia: UIA.
- al-Qurasy, ‘Abdullah Marzuq. *Athar Mura‘āt Al-Ma’ālāt wa al-Qusud fi al-Tafriq Bainā al-Bai’ wa al-Riba*, Arab Saudi: Jamiah Umm al-Qura.
- Rahmani, Ibrahim. (2019). *Dawabit Ijtihād Dharai’ fi Qadhaya Muasirah*, Aljazair: Jami al-Wadi
- al-Raisuni, Ahmad. (1995). *Nazariah al-Maqāṣid ‘inda al-Imam al-Shatibi*, Virginia: Maahad ‘Alami li Fikr al-Islami.
- al-Sadlan, Soleh Ghanim. (1997). *Al-Qawāid al-Fiqhiyyah al-Kubra wa Ma Tafarrau’ Minha*, Riyadh: Dar Balansiah.
- al-Sanusi, ‘Abdul Rahman Ma‘ammar. (2014), *Iktibar Al-Ma’ālāt wa Muraāt Nataaij al-Tasarrufāt Dirasah Muqaranah fī Usul al-Fiqh wa Maqāṣid al-Syariah*, Dammam: Dar Ibn al-Jauzi.
- al-Subki, Tajudin Abdul Wahab bin Ali. (1991). *Al-Ashbah wa Al-Nazā’ir*. Beirut: Dar Kutub Ilmiah.
- al-Sudais, ‘Abdul Rahman. (2008). *Qaidah Iktibar Al-Ma’ālāt wa al-Atharu al-Mutarattibah alaiha fi al-Fiqh al-Islami wa Qadhaya al-Muasirah*, KSA: Jamiah Umm al-Qura.
- al-Suyuti, ‘Abdul Rahman. (1983). *Al-Ashbah wa Al-Nazā’ir fi Qawaaid wa Furūq Fiqh al-Syafi’iyyah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- al-Syalabi, Muhammad Mustafa. (1982). *Al-Fiqh al-Islami Bainā al-Mathaliyyah wa al-Waqi‘iyyah*, Beirut: Dar al-Jami‘iyyah.
- al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwafaqat fi ’Usul al-Shari’ah*. Kaherah: Dar Ibn ‘Affan.
- al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa. (2010). *Al-Muwafaqat fi ’Usul al-Shari’ah*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Hadid.
- al-Tayyib, Muhammad Haidar al-Hibr. (2015), *Qaidah ‘Itibar al-Ma’ālāt wa al-Athar al-Mutarattabat ‘alaiha fi al-Mustajidaat al-Fiqhiyyah al-Mu‘asirah*, Sudan: Jamiah al-Quran Karim wa Taasil Ulum.
- Wahbah al-Zuhaili. (2006). *Qadāya al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu‘asir*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zaidan, ‘Abd Karim. (2009). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu’asasah al-Risalah Nasyirun.

- Zakaria, Abu al-Husain Ahmad bin Faris bin. (1979). *Muqayis al-Lughah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zarqa', Ahmad bin Muhammad. (1989). *Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. (2004). *Al-Madkhāl al-Fiqhī al-Amm*, Damaskus: Dar Qalam.
- al-Zubaidi, Belqasem Zakir. (2014). *Al-Ijtihād fi al-Manāth Hukm al-Syarie Inda al-Usuliyin*, London: Takween lil Dirasat wa al-Ibhath.
- al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tathbiqatuha fi al-Mazahibil al-Arba'ah*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaili, Wahbah. (1999). *Al-Dharā'i' fi Siasah al-Syariyyah wa al-Fiqh al-Islami*, Damsyiq: Dar al-Maktabi